

**11 Kesimpulan**

Sepanjang kajian yang telah di buat selama satu tahun dengan mengambil kira pelbagai faktor setempat, dan luar sama ada secara langsung atau tidak langsung dapatlah dirumuskan bahawa aspek pelancongan dan aspek alam sekitar merupakan dua aspek utama yang begitu memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi di daerah Port Dickson.

Aspek pelancongan di sini amatlah memberi kesan yang mendalam terhadap pertumbuhan ekonomi setempat dan dapat dilihat dengan pembangunan pesat kawasan pelancongan yang bertaraf antarabangsa di sekitar kawasan daerah Port Dickson.

Selain itu aspek alam sekitar juga mempunyai potensi kearah eko pelancongan yang bertaraf antarabangsa. Persekitaran pantai yang menarik dapat menggamit pelancong yang bertandang ke daerah Port Dickson, secara tidak langsung memberikan kesan impak yang positif terhadap pembangunan pelancongan negara di mata dunia. Walau bagaimanapun, segala potensi ini menuntut kepada perancangan yang terperinci dan tidak meninggalkan kesan negatif terhadap pembangunan keseluruhan kerana lebih 50% kawasan di daerah ini adalah di bawah ketegori tahap 1 kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).

Menyedari hakikat di atas , sebuah konsep pembangunan landskap yang bersesuaian telah di formulasikan iaitu "Bandar Pelancongan Negara" telah dijadikan sebagai teras pembangunan landskap di daerah Port Dickson ini. Pembangunan landskap yang baik akan membangkitkan dan merancakkan lagi industri pelancongan ini ke peringkat yang lebih tinggi serta mampu memberi manfaat kepada penduduk setempat dan sekitarnya.

Komponen PIL ini mengandungi 12 jenis pembangunan guna tanah yang merangkumi keseluruhan pembangunan fizikal di daerah Port Dickson. Sebanyak 25 buah projek telah dikenal pasti dalam merealisasikan matlamat pelan induk landskap dan, sebanyak 5 buah projek pembangunan landskap telah diperincikan dengan lebih jelas dan dibangunkan dengan tempoh masa yang dicadangkan.

Garis-garis panduan pembangunan dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung serta tidak langsung terhadap pembangunan fizikal amnya dan pembangunan landskap di kawasan kajian.

Cadangan pembangunan yang disertakan dengan anggaran kos dapat mewujudkan skala kewangan yang diperlukan untuk merealisasikan pembangunan tersebut. Cadangan pengurusan pula mengambil kira faktor yang di perlukan untuk memastikan segala pembangunan tersebut sentiasa teratur, berkesan serta terjaga dengan baik.

PIL akan memandu halatuju pembangunan landskap di setiap pembangunan kawasan MPPD dan kesepakatan agensi- agensi pelaksanaan lain adalah kunci utama ke arah menjadikan Port Dickson sebagai sebuah Bandar Pelancongan Negara.